



PT2 2016

PENTAKSIRAN TINGKATAN 2

UJIAN BERTULIS

OKTOBER

2 Jam

45

Pendidikan Islam

ARAHAN:

1. Buka kertas soalan ini apabila diberitahu.
2. Tulis **nama** dan **tingkatan** anda pada ruang yang disediakan.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas soalan.
4. Kertas soalan ini hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa :			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah diperolehi
A	1	10	
	2	10	
B	3	20	
	4	20	
	5	10	
	6	20	
C	7	10	
Jumlah		100	

NAMA : _____

TINGKATAN : _____

Disediakan oleh;

Disemak oleh;

Disahkan Oleh;

.....

.....

.....

(Ustazah Roslina binti Salleh)

BAHAGIAN A

[20 Markah]

Jawab **semua** soalan.

1. (a) Firman Allah SWT :

Ayat di atas menjelaskan bahawa orang yang segera bertaubat daripada dosa adalah sifat orang yang bertaqwa.

Tandakan (✓) pada pernyataan yang merujuk kepada sifat orang yang bertaqwa dan (×) pada yang bukan merujuk kepada sifatnya.

- (i) Memaafkan kesalahan orang lain
- (ii) Bersedekah
- (iii) Mewakafkan segala harta benda ke jalan Allah SWT
- (iv) Menahan kemarahan

(4 markah)

(b) Mengapakah kita perlu segera bertaubat apabila melakukan kesalahan?

1.

2.

(2 markah)

(c) Terangkan **dua** cara kita bertaubat melalui lisan.

1.

2.

2. (a) Sabda Rasulullah SAW :

Hadis di atas menjelaskan supaya umat Islam berpegang teguh dengan ajaran al-Quran dan hadis.

Berdasarkan hadis di atas, padankan potongan hadis dengan maksud yang betul.

(2 markah)

(b) Jelaskan akibat menolak ajaran al-Quran dan hadis.

(2 markah)

(c) Keratan akhbar di bawah menunjukkan kadar peningkatan kes-kes jenayah dalam kalangan remaja bagi tahun-tahun kebelakangan ini.

- (i) Mengapakah peningkatan jenayah ini berlaku?

(2 markah)

- (ii) Umat Islam yang menjadikan al-Quran dan hadis sebagai panduan akan menjadi umat yang cemerlang di dunia dan di akhirat.
Huraikan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas.

(4 markah)

BAHAGIAN B

[70 Markah]

Jawab **semua** soalan.

3. (a) Gariskan jawapan yang betul dalam kurungan.

- (i) Akidah ialah (kepercayaan / kepatuhan) yang kukuh di dalam hati tentang kewujudan Allah SWT.
- (ii) Sifat (al-Malik / al-Wahid) ialah Allah SWT yang Maha Esa meliputi zat, sifat dan af'alnya.
- (iii) Tauhid (rububiyah / uluhiyyah) ialah meyakini bahawa Allah SWT yang mencipta, memiliki dan mentadbir seluruh alam.
- (iv) Syariat ialah segala (kepercayaan / peraturan) dan hukum hakam yang ditentukan oleh Allah SWT yang berkaitan dengan kehidupan manusia.

(4 markah)

(b) Pilih istilah yang betul bagi pernyataan di bawah.

Muslim

Iman

Islam

Ihsan

(i) Menyerah diri kepada Allah SWT, tunduk dan patuh kepada perintahnya serta membenarkan perkara yang disampaikan oleh Rasulullah SAW.

Jawapan :

(ii) Mengaku dengan lidah, membenarkan dalam hati dan mengamalkan segala perintah Allah SWT.

Jawapan :

(iii) Kesungguhan, ketekunan dan keikhlasan dalam melakukan sesuatu ibadat atau pekerjaan semata-mata kerana Allah SWT.

Jawapan :

(3 markah)

(c) Jelaskan **tiga** ciri akidah yang salah.

1.

2.

3.

(3 markah)

(d) (i) Masyarakat yang berilmu dapat dihasilkan kesan daripada keimanan kepada al-Quran.

Huraikan hujah anda bagi menyokong pernyataan di atas.

(4 markah)

(ii) Nyatakan **dua** tujuan al-Quran diturunkan.

1.

2.

(2 markah)

(e) Terangkan **dua** hikmah al-Quran diturunkan beransur-ansur.

1.

2.

(4 markah)

4. (a) Isi tempat kosong di bawah dengan pilihan jawapan yang sesuai.

Muafik	Imam	Makmum	Masbuk
--------	------	--------	--------

(i) Solat berjemaah ialah solat yang dilakukan secara berkumpulan atau beramai-ramai terdiri daripada imam dan _____.

(ii) _____ ialah makmum yang tidak membaca al-Fatihah bersama-sama imam.

(iii) Makmum yang sempat membaca al-Fatihah sebelum imam rukuk pada rakaat pertama dinamakan _____ dalam solat.

(3 markah)

Sabda Rasulullah SAW:

"Solat berjemaah lebih afdal daripada solat secara bersendirian sebanyak 27 kali ganda."

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

(b) Pada pandangan anda, apakah yang akan berlaku sekiranya masyarakat mengabaikan solat berjemaah?

(4 markah)

(c) (i) Senaraikan **tiga** amalan sunat lain pada bulan Ramadhan selain bersedekah.

1.

2.

3.

(3 markah)

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Sedekah yang paling utama adalah sedekah pada bulan Ramadan.”

(Riwayat al-Tarmizi)

(ii) Jelaskan **dua** kelebihan bersedekah dalam bulan Ramadhan.

1. _____

2. _____

(2 markah)

(d) Pilih hukum yang betul bagi situasi di bawah berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan.

Wajib	Sunat	Harus	Makruh	Haram
-------	-------	-------	--------	-------

(i) Rosli menunaikan solat secara jamak dan qasar ketika bermusafir dari Kedah ke Kuala Lumpur sejauh 480 kilometer.

Jawapan : _____

(ii) Akmal menunaikan solat rawatib selepas solat asar.

Jawapan : _____

(2 markah)

(e) Pernyataan di bawah berkaitan dengan dua orang yang membayar zakat fitrah pada masa yang berbeza.

Encik Haris ialah seorang ahli perniagaan terkenal yang begitu sibuk dengan urusan perniagaan sehingga terlupa dan hanya berkesempatan membayar zakat fitrahnya selepas selesai solat sunat Aidilfitri.

Encik Firdaus merupakan seorang yang berdisiplin dan suka melakukan kerja pada awal waktu. Beliau telah membayar zakat fitrah sebaik sahaja tibanya bulan Ramadhan.

Nyatakan hukum bagi pembayaran zakat fitrah yang dilakukan oleh Encik Haris dan Encik Firdaus.

(i) Encik Haris : _____

(ii) Encik Firdaus : _____

(2 markah)


(f) Firman Allah SWT :

Berdasarkan pernyataan di atas, mengapakah ramai orang yang bersolat tetapi masih melakukan kemungkaran?

Huraikan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas.

(4 markah)

5. (a) Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul.



(3 markah)

(b) Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (✗) pada pernyataan yang salah mengenai Sayidina Abu Hurairah r.a.

No	Pernyataan	(✓) atau (✗)
(i)	Digelar Abu Hurairah oleh Rasulullah SAW kerana amat menyayangi kucing.	
(ii)	Mempunyai seramai 700 orang murid yang mempelajari hadis daripadanya.	
(iii)	Walaupun miskin, beliau tidak pernah meminta. Malah rela mengikat perutnya kerana kelaparan.	

(3 markah)

Rasulullah SAW menggunakan taktik berdakwah dengan penuh hikmah dan bijaksana seperti memberi nasihat dengan pengajaran yang baik, perbincangan dan perbahasan. Selain itu, baginda menunjukkan sifat keperibadian yang unggul dan contoh teladan yang baik semasa berdakwah.

- (c) Merujuk kepada pernyataan di atas, bagaimanakah anda menasihati rakan yang sering ponteng sekolah dengan menggunakan taktik berdakwah Rasulullah SAW.

(4 markah)

6. (a) Tulis **(Y)** pada 'Waktu Mustajab' dan **(Z)** pada 'Tempat Mustajab' untuk berdoa bagi pernyataan di bawah.

- (i) Satu pertiga malam.
- (ii) Di hadapan Kaabah.
- (iii) Setelah mendengar azan dan antara dua khutbah.
- (iv) Multazam antara rukun Yamani dengan makam Nabi Ibrahim.

(4 markah)

- (b) Lengkapkan tempat kosong di bawah dengan memilih jawapan yang betul.

berdekatan	bersyukur	akal	membantu	keampunan
------------	-----------	------	----------	-----------

- (i) Kita hendaklah menggunakan nikmat _____ untuk mencari ilmu pengetahuan.
- (ii) Kelebihan beradab ketika menerima musibah ialah untuk mendapat rahmat dan _____ daripada Allah SWT.
- (iii) Jiran ialah orang tinggal _____ dengan rumah kita atau tinggal di sekeliling rumah kita.
- (iv) Perbuatan yang menyalahi adab berkeluarga ialah memutuskan hubungan kekeluargaan dengan tidak ziarah menziarahi dan tidak _____.

(4 markah)

(c) Jelaskan **dua** sebab kita perlu beradab semasa beribadat supaya diterima oleh Allah SWT.

1.

2.

(4 markah)

(d) Pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan merupakan gejala sosial yang mendatangkan kesan buruk kepada individu dan masyarakat. Antaranya ialah lahirnya anak luar nikah.

Merujuk kepada pernyataan di atas, huraikan hujah anda mengapa perkara di atas semakin berleluasa?

(4 markah)

“..... dan berbuat baiklah kepada kedua ibu bapa dan kaum kerabat dan anak-anak yatim.....”

(Surah al-Baqarah: 83)

(e) Berdasarkan maksud potongan ayat di atas, Islam menyuruh umatnya beradab dengan kaum kerabat iaitu ahli keluarga.

Huraikan akibat sekiranya orang Islam tidak mengamalkan adab-adab terhadap keluarga.

(4 markah)

BAHAGIAN C

[10 Markah]

Jawab **semua** soalan.

7. (a) Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang disediakan supaya menjadi ayat yang lengkap mengikut tertib seperti di dalam al-Quran.
Anda dikehendaki menulis nombor jawapan sahaja.

(3 markah)

- (b) Susun semula potongan ayat al-Quran di bawah mengikut tertibnya seperti di dalam al-Quran.
Anda dikehendaki menulis nombor potongan ayat sahaja.

(Surah Ali-Imran: 18)

Jawapan :

- (i) _____
(ii) _____
(iii) _____

(3 markah)

(c) Tulis semula petikan di bawah dengan menggunakan tulisan jawi.

Setiap umat Islam hendaklah berusaha memelihara adab terhadap mashaf al-Quran dengan sebaik mungkin. Keingkaran terhadap adab-adab ini akan mencemarkan kesucian al-Quran.

(4 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

Disediakan oleh;

.....

(Ustazah Roslina binti Salleh)

Disemak oleh;

.....

(Ustaz Shamsun b. Mohamed)
Ketua Panitia PI

Disahkan Oleh;

.....